

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/07/2017F

**PAKATAN HARAPAN, REVOLUSI....** UM-30/7/2017 89.6

**F**ORUM anjuran pembangkang bertajuk Mahathir Ejen Perubahan atau Pemusnah pada Rabu lalu menjadi satu lagi bukti para penyokong akar umbi Pakatan Harapan menolak Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusinya.

Suara lantang anak-anak muda dalam forum tersebut yang menolak kecelaruan dan tiadanya prinsip pada pimpinan Pakatan Harapan, adalah petanda buruk terhadap masa depan gabungan parti yang diketuai oleh DAP itu. Beberapa peserta forum mempersoalkan keputusan menerima pemimpin diktator seperti Dr. Mahathir kerana memburukkan lagi reputasi Pakatan Harapan, yang ahli panel terdiri pemimpin pembangkang gagal menjawabnya.

Malah terdapat peserta menyifatkan Perdana Menteri, Mohd. Najib Tun Razak lebih bijak berbanding Dr. Mahathir serta lebih telus dalam membangunkan prasarana pengangkutan awam tanpa kronisme.

Awang angkat topi dengan keberanian anak-anak muda ini menyuara hal-hal kritikal termasuk kegagalan Pakatan Harapan menamakan siapa bakal Perdana Menteri jika menang PRU-14.

Mesejnya selagi Pakatan Harapan tidak bersandarkan politik kesederhanaan dan kematangan, selagi itu ia tidak akan memberi impak dalam mendapatkan sokongan rakyat. Awang



**MOHAMMAD SABU**

berpendapat sudah sampai masanya Pakatan Harapan menghentikan politik ekstrem dan kebencian kerana itu cara lapuk yang pasti ditolak rakyat. Pada forum itu sendiri jelas betapa politik ekstrem menjadi pegangan dengan kenyataan Presiden PAN, Mohamad Sabu yang mahu orang muda bangkit melakukan revolusi tanpa pilihan raya.

Jelaslah ia cerminan kepada pemikiran berbahaya pemimpin Pakatan Harapan yang bercanggah dengan demokrasi. Inikah yang dimahukan oleh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan mendokong nilai demokrasi. Pada Awang, ia hasutan yang tidak boleh diambil mudah dan bayangan ancaman revolusi makin melingkari kita.